

Topik 6: Penghakiman dan Buku- buku

Pernahkah anda terfikir tentang penghakiman dari perspektif malaikat di syurga? Merekalah yang akan hidup selamanya bersama- sama dengan umat yang dibenarkan Allah untuk masuk ke syurga.

Jadi tidak ada kejutan apabila Allah membuat keputusan siapa yang akan selamat dan siapa yang akan dihukum kerana malaikat ada disana sebagai saksi. Dan Isa (Yesus) memainkan peranan penting dihadapan Allah semasa penghakiman. Inilah yang dilihat oleh rasul Yohanes mengenai perkara itu:

Mereka yang menang akan dipakaikan jubah putih, dan Saya (Yesus) tidak akan menghapuskan namanya dari Buku Kehidupan; tetapi saya akan menyatakan namanya di hadapan Bapa- Ku dan di hadapan malaikat- malaikat- Nya. (Wahyu 3:5)

Nabi Lukas dan Daniel telah melihat gambaran yang sama. Mereka melihat bahawa Allah duduk sambil dikelilingi oleh malaikat- malaikat. Lalu mereka melihat buku rekod itu terbuka dan penghakiman pun bermula.

Setiap orang yang mengakui Aku dihadapan manusia, Anak Manusia (Yesus) juga akan mengakui dia di hadapan malaikat- malaikat Allah: tetapi barangsiapa yang menyangkal Aku di hadapan manusia, dia akan disangkal di hadapan malaikat- malaikat Allah. (Lukas 12:8,9)

Aku melihat sehingga semua takhta diletakkan di tempatnya, lalu duduklah Yang Lanjut Usianya; jubahnya putih seperti salju, dan rambut dikepalanya bersih seperti bulu domba. Tempat duduknya seperti api yang menyala- nyala; ada sungai berapi mengalir di hadapan- Nya. Beribu- ribu melayani Dia; seribu kali beribu- ribu berdiri dihadapan- Nya. Lalu duduklah Majlis Pengadilan dan buku- buku pun terbuka. (Daniel 7:9, 10)

“Mengapa,” mungkin anda bertanya, “Adakah penghakiman berlaku di syurga?” Ini adalah soalan yang baik. Dan kita perlu tahu bahawa Alkitab menggunakan perkataan “Penghakiman” dalam dua cara yang berbeza.

Dalam beberapa kes, perkataan itu merujuk kepada keputusan itu. Dan dalam kes-kes lain, ia merujuk kepada tempoh jangkamasa hukuman dan hukuman.

Dalam kes Penghakiman Tuhan, keputusan itu berlaku di syurga. Kemudian, semasa kebangkitan, manusia akan dibangkitkan sama ada untuk memperoleh kehidupan kekal ataupun dibangkitkan untuk dibinasakan.

Janganlah kamu hairan; kerana akan tiba waktunya dimana semua orang yang berada di dalam kubur akan dibangkitkan, dan mereka yang telah membuat kejahatan akan dibangkitkan untuk dihukum. (Yohanes 5:28, 29)

Apabila seseorang dibangkitkan dalam “kebangkitan untuk dibinasa,” itu menunjukkan bahawa keputusan telah pun ditentukan. Disebabkan itulah adanya Penghakiman di syurga sebelum hukuman dilakukan di dunia ini. Bukan bermaksud Allah memerlukan buku untuk mengenal kita. Allah mengenali kita semua. Para nabi ada mengatakan tentang buku Allah, dan seperti yang kita lihat sejauh ini, buku itu harus ada supaya para malaikat mengerti keadilan Allah.

Apakah yang telah dikatakan oleh para nabi mengenai buku itu? Satu perkara, ia merekodkan perkara yang menyenangkan hati Allah. Buku itu juga merekodkan kesedihan kita. Nabi Malachi dan Daud [Dāwūd] ada mengatakan tentang buku itu:

Engkau telah menghitung sengsara-sengsaraku. Taruhlah air mataku di dalam kantong-kantong kulit-Mu. Bukankah itu ada di dalam kitab-Mu? (Mazmur 56:8)

Kemudian orang-orang yang takut akan TUHAN berbicara satu sama lain, "TUHAN memperhatikan dan mendengarnya, dan sebuah kitab pengingat telah ditulis di hadapan-Nya bagi orang-orang yang takut akan TUHAN dan yang menghormati nama-Nya! (Maleakhi 3:16)

Maleachi melihat lebih banyak tentang penghakiman. Dia melihat bahawa Allah akan bertindak sebagai saksi terhadap kelas tertentu. (Jika Allah tidak berkenan kepada kamu, tidak ada harapan untuk kamu dalam penghakiman- Nya.) Contohnya mereka yang tidak peduli akan orang pelarian. Dalam penghakiman, mereka tidak menyenangkan Allah kerana mereka membiarkan umat- Nya menderita.

Maka pada masa itu Aku akan menghampiri kamu hendak berhukum, dan dengan segera Aku akan memutuskan hukum atas segala tukang sulap dan atas orang yang berbuat zinah, dan atas orang yang bersumpah dusta dan atas orang yang dengan gagahnya menahani upah orang upahan, dan yang menganiayakan perempuan janda dan anak piatu dan orang dagang, dan yang tiada takut akan Daku, demikianlah firman Tuhan serwa sekalian alam. (Maleakhi 3:5)

Buku itu merekodkan semua perbuatan kita dan apa yang kita fikirkan. (Lihat nubuatan Solomo dalam buku Pengkhotbah 12:14). Apabila Yesus kembali ke dunia, hanya satu kelas manusia yang dapat bertahan di hadapan-Nya tanpa rasa malu. Buku mazmur memberikan kita informasi penting:

Allah kita, akan datang dan tidak akan berdiam diri; api yang membakar mendahului-Nya, ribut yang kencang mengelilingi-Nya. Dia berseru kepada langit tinggi, dan kepada bumi untuk mengadili umat-Nya. Kata-Nya, "Kumpulkanlah seluruh umat-Ku yang telah mengikat perjanjian dengan Aku, dan mengukuhkannya dengan kurban sembelihan." Langit menyatakan kebenaran-Nya karena Allah adalah Hakim. Sela. (Mazmur 50:3-6)

Kelas manakah yang dapat bertahan dihadapan Allah apabila Dia kembali? Mereka yang membuat perjanjian dengan Allah melalui korban. Tetapi jika kamu membaca dengan selanjutnya akan buku Mazmur, kamu akan lihat bahawa Allah tidak menginginkan darah sapi atau domba. Dia melihat kepada darah anak Domba Allah.

Yohanes pembaptis menjelaskan perjanjian ini dengan sangat jelas.

Keesokan harinya, Yohanes melihat Yesus datang kepadanya, dan Yohanes berkata, "Lihatlah, Anak Domba Allah yang menghapuskan dosa dunia! (Yohanes 1:29)

Kita akan mempelajari dengan lebih banyak lagi tentang maksud Yesus sebagai "Anak Domba Allah" pada siri yang seterusnya. Tetapi sekarang, sementara kita mempelajari penghakiman, kita harus berterima kasih kerana Allah memberikan jalan kepada kita supaya dosa kita diampuni.

Dan jika, di dalam penghakiman, dosa kita akhirnya akan diampuni, rekod kesalahan kita juga akan dihapuskan. Puji Tuhan!

Oleh itu, bertaubatlah dan berpalinglah kepada Allah, supaya dosa-dosamu dihapuskan, dan supaya masa yang memberikan kesegaran datang kelak daripada Tuhan. (Kisah Para Rasul 3:19)

Ringkasan dari apa yang telah kita pelajari mengenai Penghakiman selama ini adalah keputusan akan ditentukan di syurga di hadapan para malaikat. Yesus ada disana bersama-sama dengan Allah dan Dia memanggil Allah sebagai bapa. Dan Yesus adalah Domba Allah yang telah mengambil dosa kita supaya dosa itu dapat dipadam dari buku rekod.

Dengan syarat? "Memohon ampun atas dosa dan bertaubat" dan jangan lagi berbuat dosa seperti berzina, mengamalkan kaedah sihir, dan memberi atau menerima rasuah. Kita haruslah bersikap adil dalam segala perkara.

Sekarang adalah masa yang sesuai untuk mengamalkan perbuatan baik ini. Dalam siri yang seterusnya, kita akan lihat tentang apakah tindakan penghakiman di syurga akan kerajaan jahat di dunia ini.